

NO. SOALAN: 43

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD MANAP

TARIKH : 24 OKTOBER 2017

RUJUKAN : 10264

SOALAN :

PR-1353-L03034

Tuan Anuar Bin Abd Manap [Sekijang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah proaktif Kerajaan dalam menghapuskan kegiatan majikan yang menjadi orang tengah dalam membawa masuk pekerja asing seperti yang telah didedahkan oleh Ketua Pengarah Imigresen baru-baru ini.

107

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menghapuskan kegiatan majikan menjadi orang tengah yang membawa masuk pekerja asing adalah dengan melaksanakan pemeriksaan secara berkala ke atas syarikat-syarikat yang menggajikan pekerja asing bagi memastikan jumlah keperluan pekerja asing tersebut masih relevan dan pekerja tersebut masih bekerja dengan syarikat yang sama dan bukannya dipinjamkan ke mana-mana syarikat tanpa mendapat kebenaran dari Jabatan Imigresen Malaysia.

Kerajaan juga telah memperkenalkan 2 sistem pengambilan pekerja asing yang dilaksanakan secara sepenuhnya dalam talian mulai 1 April 2017 iaitu Sistem Permohonan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) bagi permohonan pengambilan pekerja asing dari semua negara sumber kecuali Bangladesh yang menggunakan Sistem Permohonan Pekerja Asing (SPPA) .

Kedua-dua sistem ini dapat mengelakkan penglibatan orang tengah serta membendung penganiayaan dan pemerdagangan pekerja asing. Selain itu, sistem ini juga dapat meminimumkan kos pengambilan dan pentadbiran pekerja asing serta memendekkan tempoh merekrut pekerja asing.